

**Tukar kerajaan : PAS hantar pemimpin tertinggi  
Malaysiakini.com  
Oct 10, 2008  
Jimadie Shah Othman**

Lima pemimpin paling kanan PAS akan terlibat sepenuhnya dalam mesyuarat peringkat tertinggi Pakatan Rakyat mulai minggu depan, demikian diputuskan oleh biro politik parti itu.

"Mesyuarat memilih lima orang untuk mewakili parti dalam mesyuarat Pakatan," kata ahli parlimen Shah Alam, Khalid Samad, yang menganggotai lajnah politik dan pilihanraya PAS.

Mesyuarat tersebut yang dipengerusikan oleh presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang, awal minggu ini juga memutuskan untuk mendapat restu secara rasmi oleh anggota-anggota jawatankuasa pusat bersama ahli-ahli Dewan Rakyat parti itu.

djz english teaching conference 080707 khalid samadKhalid menambah, pertemuan untuk mendapat mandat barisan pemimpin itu diadakan pada Ahad ini.

"Mesyuarat putuskan, pada 12 Oktober, perkara ini akan dikemukakan dalam mesyuarat jawatankuasa pusat bersama ahli-ahli parlimen (PAS). Mereka kena terima (keputusan itu)," katanya.

Selain Abdul Hadi, timbalannya Nasharuddin Mat Isa, dua timbalannya Datuk Husam Musa dan Mohamad Sabu terpilih bersama setiausaha agung Datuk Kamaruddin Jaffar untuk mewakili PAS ke mesyuarat Pakatan yang diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kumpulan pemimpin berprofil tinggi itu dihantar sebagai persiapan pakatan pembangkang membentuk kerajaan persekutuan seperti rancangan Anwar yang dikenali "projek 16 September."

PAS selama ini mengirim pemimpin lebih rendah kerana pada peringkat awal pembentukan Pakatan, yang bermula hanya selepas kemenangan mengejut pembangkang dalam pilihanraya umum Mac lalu, ia bertujuan "menyemak nama-nama ahli parlimen BN" yang bakal menyertai gabungan tersebut.

"Dulu kita berusaha menyemak nama-nama ahli-ahli parlimen BN menyertai Pakatan. Sekarang kita hendak menyelaraskan kerjasama dalam Pakatan ke arah membentuk kerajaan baru. Termasuklah membincangkan soal (anggota) kabinet dan sebagainya," kata Khalid.

Beliau mengulas sebab pergantian wakil PAS dalam majlis kepemimpinan Pakatan Rakyat daripada pemimpin rendah kepada pemimpin yang lebih kanan.

Mengulas pertembungan terbuka beberapa pemimpin parti itu di pelbagai peringkat, khususnya reaksi terhadap projek 16 September, beliau berkata "semua sudah OK" selepas mesyuarat lajnah tersebut. Dalam mesyuarat Isnin lalu, perkara itu "ada perbincangan sedikit", katanya.

Khalid menambah, "semua pemimpin faham" dan bersetuju untuk mengeluarkan pandangan rasmi parti sahaja dan mengelak mengemukakan idea peribadi secara terbuka.

"Kalau semua orang hendak kemukakan pandangan peribadi, susahlah (PAS)," katanya.

Permukiman di Langkawi bulan depan bagaimanapun tetap diadakan untuk membincangkan banyak perkara berkaitan strategi pembentukan kerajaan persekutuan, tambahnya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/91062>